



29 Mei 2006 (Khamis)

Proses audit boleh selesaikan isu Matrade

JOHOR BAHRU 28 Mei - Kelewatan menyiapkan Menara Matrade boleh diselesaikan melalui proses pengauditan terhadap keputusan pembinaan dan pengurusan projek tersebut, kata Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC), Datuk Shahrir Abdul Samad. Menurut beliau, jemaah menteri boleh mengarahkan Ketua Audit Negara dan melantik firma akaun untuk mengaudit pengurusan, projek dan perkara-perkara semasa seperti masalah pembinaan bangunan berkenaan.

``Melalui pengauditan akan dapat diketahui siapa yang terlibat membuat keputusan dan yang menguruskan pembayaran pada setiap peringkat pelaksanaan projek'' ``Pihak yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan projek itu menghadapi banyak sangat masalah juga akan diketahui," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Berkelompok Cawangan-Cawangan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Johor Bahru di sini malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak semalam mengenai isu kelewatan Menara Matrade disiapkan. Shahrir yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru berkata, hasil daripada pengauditan itu boleh dijadikan asas untuk diambil tindakan undang-undang. ``Selain itu, jemaah menteri juga boleh mengarahkan Peguam Negara (AG) untuk melakukan siasatan atau menubuahkan jawatankuasa penyiasat bebas," katanya.

Beliau berkata, pengauditan patut dilakukan daripada awal iaitu daripada memilih projek, memilih kontraktor dan hingga projek diambil alih. Kata Shahrir, melaluinya juga mungkin akan diketahui bukan sahaja berlaku kesilapan dalam pemberian kontrak tetapi mungkin juga melibatkan masalah-masalah lain seperti pembayaran dan sebagainya.

Beliau memberitahu, PAC akan membawa perkara itu dalam mesyuaratnya yang akan diadakan pada 12 Jun ini. Katanya, PAC sebenarnya pernah membincangkan perkara itu beberapa kali iaitu sejak PAC masih diketuai oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib. Beliau juga menyokong penuh kenyataan Najib bahawa pihak yang terbabit tidak harus dilepaskan dengan begitu mudah.

``Sebab itu pengauditan penting dilakukan kerana ia satu cara menentukan pihak yang bertanggungjawab melakukan pembaziran dan perbelanjaan wang yang begitu banyak perlu didedahkan dan diambil tindakan," ujarnya. Sebelum ini Menteri Kerjaya Raya, Datuk Samy Vellu memberitahu syarikat terlibat iaitu Perangsang International Sdn. Bhd. (PISB) tidak lagi wujud setelah ia dijual oleh syarikat induknya kepada satu syarikat lain.

Kenyataan Samy Vellu itu berbeza sekali dengan ketegasan yang ditunjukannya pada 22 Mei dan 23 Mei lalu dengan berkata, walaupun syarikat itu sudah dibeli oleh syarikat lain, ia bukan bererti pemaju berkenaan boleh lari dan tindakan mahkamah akan diambil ke atas pengarah-pengarah syarikat tersebut.

Kelewatan itu menyebabkan bangunan yang dibina pada 1997 dengan kos asal RM167 juta meningkat kepada RM287.5 juta dengan kira-kira RM64.8 juta dibelanja untuk kerja pembaikan setelah beberapa kecacatan dikesan. Sebelum ini Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), pemilik menara yang disiapkan selepas sembilan tahun, menuntut satu siasatan dijalankan terutama di dalam proses pemberian tender.